

K'jaan rayu terhadap ganti rugi RM11.2 juta diperolehi The Edge

Malaysiakini

6 Mac 2019

Kerajaan telah merayu terhadap ganti rugi berjumlah lebih RM11.2 juta yang diperolehi syarikat penerbitan The Edge Communications Sdn Bhd bagi kehilangan pendapatan selepas penggantungan dua penerbitannya oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) selama tiga bulan pada 2015 berkaitan laporan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam Kanan Persekutuan Alice Loke Yee Ching, yang mewakili Ketua Setiausaha KDN dan Menteri Dalam Negeri selaku responden memaklumkan perkara itu kepada pemberita selepas pengurusan kes di dalam kamar Hakim Mahkamah Tinggi Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas Datuk Nordin Hassan, hari ini yang turut dihadiri peguam Raja Eileen Soraya Raja Aman.

"Kami berpendapat tidak wajar diberikan gantirugi. Itu pendapat kerajaan.

"Kami mahu melihat bagaimana timbalan pendaftar menentukan ganti rugi dan apakah pertimbangannya (timbang pendaftar)," katanya sambil menambah bahawa penerbit (The Edge) juga merayu terhadap penolakan ganti rugi teruk yang dipohonnya tetapi ditolak pendaftar.

Loke berkata pihaknya akan mendapatkan alasan penghakiman berhubung ganti rugi berkenaan yang diputuskan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Norazlin Othman, sebelum rayuan itu didengar.

Raja Eileen pula berkata mahkamah menetapkan 26 Mac untuk pengurusan kes selanjutnya.

Pada 17 Dis tahun lepas, Mahkamah Tinggi memerintahkan Ketua Setiausaha KDN dan Menteri Dalam Negeri selaku responden membayar ganti rugi berjumlah RM11,260,350.00 kepada The Edge Weekly dan The Edge Financial Daily selaku pemohon, yang digantung penerbitan selama tiga bulan sejak 27 Julai 2015.

Mahkamah turut memerintahkan kedua-dua reponden supaya membayar faedah sebanyak empat peratus bermula 27 Julai 2015 sehingga penyelesaian penuh kes berkenaan.

Ini berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 9 Ogos 2017 yang memutuskan bahawa The Edge boleh menuntut ganti rugi daripada Menteri Dalam Negeri untuk kehilangan pendapatan yang dialami berhubung penggantungan dua penerbitannya selepas menolak rayuan Menteri Dalam Negeri dan Ketua Setiausaha KDN untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang membenarkan The Edge menuntut ganti rugi daripada kedua-dua

pihak.

Berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan itu, kes berkenaan dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi.

KDN menggantung permit penerbitan The Edge Weekly dan The Edge Financial Daily selama tiga bulan dari 27 Julai 2015 berkaitan laporannya mengenai isu 1MDB.

Bagaimanapun perintah itu dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi pada 21 Sept 2015, yang membenarkan permohonan The Edge untuk permohonan semakan kehakiman bagi mencabar perintah tersebut.

Mahkamah Tinggi juga memerintahkan penilaian taksiran ganti rugi yang dialami The Edge dibuat.

Pada 30 Ogos 2016, Mahkamah Rayuan menolak rayuan KDN terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bagi penilaian ganti rugi.

The Edge memfailkan permohonan semakan kehakiman pada 27 Julai 2015 terhadap kedua-dua responden bagi mendapatkan perintah supaya mahkamah menolak keputusan Menteri Dalam Negeri menggantung permit penerbitan kedua-dua penerbitan berkenaan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/466807>